

# Peperangan bukan cara selesai

UM 2 1 FEB 2003

KUALA LUMPUR 20 Feb. — Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) menentang hasrat Amerika Syarikat (AS) menyerang Iraq kerana peperangan bukan cara untuk menyelesaikan masalah di antara negara, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, NAM tidak boleh bersetuju dengan tindakan membunuh sebagai satu cara untuk jayakan polisi sesuatu negara.

“Kita juga tidak setuju dengan tindakan pencegahan kerana tidak ada sesiapa berhak buat keputusan bahawa kononnya dia menghadapi bahaya maka dia berhak untuk serang lebih awal negara yang disangka akan menyerang dia,” katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, AS juga ber-

sedia untuk menyerang Iraq kerana kemungkinan negara itu untuk menyerang balas tidak ada kerana Iraq sudah tidak mempunyai senjata pemusnah.

Berbanding dengan Korea Utara kata beliau, AS tidak berani bertindak kerana negara itu boleh bertindak balas menggunakan senjata yang dimilikinya.

## masalah di antara negara — PM

“Jadi Iraq tidak berbahaya seperti Korea Utara, ganjilnya kenapa mereka melupakan negara yang lebih berbahaya dan menyerang negara yang lebih lemah,” katanya.

Menurut beliau, AS juga bersikap ‘talam dua muka’ apabila tidak mempedulikan desakan antiperang melalui demonstrasi besar-besaran di seluruh dunia.

“Sudah tentu AS boleh dakwa mereka ini tidak mewakili pendapat masyarakat dunia keseluruhannya.

“Tetapi di Malaysia bila ada demonstrasi oleh 200 atau 300 orang, (AS) terus cadangkan kerajaan ini perlu diganti kerana orang-orang ini tidak suka.

“Sekarang berjuta orang melakukan demonstrasi menentang AS, teta-

pi mereka (AS) tidak bercakap dengan nada yang sama,”katanya.

Mengenai perbincangan isu Korea Utara pada Sidang Kemuncak Ke-13 NAM pula, Dr. Mahathir ia bergantung kepada pandangan anggota-anggota lain.

Bagi NAM katanya, sudah tentu tidak mahu melihat berlakunya perang sama ada di Korea Utara ataupun di Iraq.